

TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN
MINAT DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN
PESERTA KURSUS JANGKA PENDEK ANJURAN JABATAN
PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

NURULL ZURAIDA BINTI SHAFIE



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071151 9



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA ♦

**JUDUL : TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN MINAT
DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PESERTA KURSUS
JANGKA PENDEK ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL**

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya : **NURULL ZURAIDA SHAFIE (801008-06-5168)**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : **NO. 357 FELDA KERATONG 1**
26900 BANDAR TUN RAZAK
PAHANG

TN. HJ. JAMALUDDIN BIN HASHIM
Nama Penyelia

Tarikh : 9 SEPTEMBER 2003

Tarikh : 9 SEPTEMBER 2003

CATATAN :

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Izajah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah mencukupi dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : Tuan Haji Jamaluddin bin Hashim

Tarikh : 6hb. OKTOBER 2003



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN MINAT
DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PESERTA KURSUS
JANGKA PENDEK ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL**

NURULL ZURAIDA BINTI SHAFIE

**Laporan Projek Sarjana Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**



**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2003

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah mencukupi dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : Tuan Haji Jamaluddin bin Hashim

Tarikh : 6HB. OKTOBER 2003



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN MINAT
DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PESERTA KURSUS
JANGKA PENDEK ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL**

NURULL ZURAIDA BINTI SHAFIE

**Laporan Projek Sarjana Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**



**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2003

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : NURULL ZURAIDA BINTI SHAFIE

Tarikh : 26 SEPTEMBER 2003



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

Teristimewa Buat Insan-Insan Tersayang :

Papa Dan Mak

Segala Jasa Dan Bakti,
Tidak Mungkin Terbalas,
Walau Dengan Segunung Intan,
Dorongan Kalian Pembangkit Semangatku.

Kaklong, Bangcik, Kak Malia, Intan, Epi, Mira, Bab, Adik

Yang Terlalu Banyak Menabur Budi
Semoga Kejayaan Dan Kebahagiaan Milik Kita Bersama

Serta Rakan-Rakan Seperjuangan...

Terima Kasih Di Atas Segalanya.....

Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Bakti Kalian.

‘Inilah Bukti Perjuangan & Kejayaanku’

Salam Sayang

-Nurul 2003-



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

PENGHARGAAN

“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah S.W.T Yang maha pengasih, pemurah lagi maha penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga serta sahabat handai baginda.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tn. Hj. Jamaluddin bin Hashim di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada kaum keluarga terutama mak, papa, kaklong, bangcik, kak malia dan adik-adik atas segala pengorbanan dan pengertian yang diberikan serta dorongan yang menguatkan semangat saya untuk terus berusaha tanpa putus asa.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada responden yang sudi meluangkan masa menjawab soal selidik dengan ikhlas dan jujur.

Tidak dilupakan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan dan dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga usaha dan bakti yang telah dicurahkan diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.

Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat bertujuan untuk meninjau pengetahuan, kemahiran dan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan peserta kursus jangka pendek anjuran Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV). Seramai 54 orang peserta kursus jangka pendek yang terdiri dari peserta Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus *Chargeman AO* telah dipilih sebagai responden bagi menjawab soal selidik yang diedarkan. Data yang diperolehi, dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 11.0* yang melibatkan skor min, peratusan dan juga analisis Korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan majoriti responden mempunyai minat yang tinggi dalam bidang keusahawanan tetapi mereka kurang pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan. Di akhir kajian ini, satu Garis Panduan Asas Keusahawanan telah dihasilkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan kepada peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.

ABSTRACT

The purpose of this research is to determine the knowledge, skill and enthusiasm among participants short term course organized by Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV). Fifty-four participants from three short term courses, Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus Chargeman AO are selected as respondents to gather feedbacks based on the questionnaire distributed. Collected data is analyzed by using Statistical Package For Social Science (SPSS), 11.0 version, which were represented using mean scores, percentage and Correlations Pearson. The result of this research shows that majority of the participants are enthusiasm towards entrepreneurship but they are lack of knowledge and skill in entrepreneurship basic. "*Garis Panduan Asas Keusahawanan*" had been created to give knowledge and skill entrepreneurship basic for participants short term course organized by JPTV.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
-----	---------	------------

	PENGESAHAN PENYELIA	
--	----------------------------	--

	JUDUL	i
--	--------------	---

	PENGAKUAN PENULIS	ii
--	--------------------------	----

	DEDIKASI	iii
--	-----------------	-----

	PENGHARGAAN	iv
--	--------------------	----

	ABSTRAK	v
--	----------------	---

	ABSTRACT	vi
--	-----------------	----

	KANDUNGAN	vii
--	------------------	-----

	SENARAI JADUAL	xii
--	-----------------------	-----

	SENARAI RAJAH	xiv
--	----------------------	-----

	SENARAI SINGKATAN	xv
--	--------------------------	----

	SENARAI LAMPIRAN	xvi
--	-------------------------	-----

BAB 1	Pengenalan	
--------------	-------------------	--

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Masalah	4
-----	------------------------	---

1.3	Penyataan Masalah	6
-----	-------------------	---

1.4	Objektif Kajian	8
-----	-----------------	---

1.5	Persoalan Kajian	8
-----	------------------	---

1.6	Hipotesis Kajian	9
-----	------------------	---

1.7	Kerangka Teori	10
-----	----------------	----

1.7.1	Huraian Kerangka Teori	11
-------	------------------------	----



1.8	Kepentingan Kajian	12
1.8.1	Penceramah Kursus Jangka Pendek	12
1.8.2	Peserta Kursus Jangka Pendek	12
1.8.3	Masyarakat	13
1.8.4	Menambah Bahan Ilmiah dan Rujukan	13
1.9	Skop Kajian	13
1.10	Definisi Istilah	14
1.10.1	Pengetahuan	14
1.10.2	Kemahiran	15
1.10.3	Minat	15
1.10.4	Keusahawanan	15
1.10.5	Peserta Kursus Jangka Pendek	16
1.10.6	Kursus Jangka Pendek	16
1.10.7	Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional	17
1.11	Penutup	17


BAB II
SOROTON KAJIAN

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Usahawan dan Keusahawanan	19
2.3	Pendidikan Keusahawanan	20
2.4	Keusahawanan Sebagai Kerjaya	21
2.5	Pengetahuan Dalam Asas Keusahawanan	22
2.6	Kemahiran Asas Keusahawanan	24
2.7	Persepsi Terhadap Minat dalam Bidang Keusahawanan	25
2.8	Penutup	26

BAB III**METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	28

3.3	Sampel Kajian	29
3.4	Sumber Data	31
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Kaedah Analisis Data	34
3.8	Prosedur Kajian	36
3.9	Andaian Kajian	38
3.10	Penutup	38

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Latar Belakang Masalah	40
4.2.1	Taburan Resoponden Berdasarkan Jantina	40
4.2.2	Taburan Resoponden Berdasarkan Umur	40
4.2.3	Taburan Resoponden Berdasarkan Bangsa	40
4.2.4	Taburan Resoponden Berdasarkan Kelulusan Akademik	42
4.2.5	Taburan Resoponden Berdasarkan Pengalaman Menyertai Kursus	43
4.3	Prosedur Menganalisis Data	43
4.4	Dapatan Kajian	45
4.4.1	Analisis Pengetahuan Peserta Berkenaan Asas Keusahawanan	45
4.4.1.1	Pemilihan Peluang Perniagaan	46
4.4.1.2	Rancangan Perniagaan	48
4.4.1.3	Milikan Perniagaan	50
4.4.2	Analisis Kemahiran Asas Keusahawanan	51
4.4.2.1	Kemahiran Pengurusan	52
4.4.2.2	Kemahiran Kemanusiaan	54



4.4.2.3	Kemahiran Konseptual	55
4.4.3	Persepsi Peserta Terhadap Minat Dalam Bidang Keusahawanan	56
4.5	Pengujian Hipotesis	59
4.5.1	Hipotesis 1	59
4.5.2	Hipotesis 2	60
4.5.3	Hipotesis 3	61
4.6	Penutup	62

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	63
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Pengetahuan Peserta Berkenaan Dengan Asas Keusahawanan	64
5.2.2	Kemahiran Asas Keusahawanan	66
5.2.3	Persepsi Peserta Terhadap Minat Dalam Bidang Keusahawanan	69
5.2.4	Hubungan Pengetahuan dengan Kemahiran Asas Keusahawanan	70
5.2.5	Hubungan Pengetahuan Asas Keusahawanan dengan Minat dalam Bidang Keusahawanan	71
5.2.6	Hubungan Kemahiran Asas Keusahawanan Dengan Minat dalam Bidang Keusahawanan	71
5.3	Kesimpulan	72
5.4	Cadangan	73
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.6	Penutup	74



RUJUKAN

74

LAMPIRAN



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	32
3.2	Hasil Analisis Alpha Bagi Kajian Rintis	34
3.3	Pembahagian Skala Likert Kepada Dua Bahagian	35
3.4	Tafsiran Statistik Deskriptif (Min)	35
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	40
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	41
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	42
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	42
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Menyertai Kursus	43
4.6	Tafsiran Statistik Deskriptif (Min)	44
4.7	Analisis Tahap Pengetahuan Peserta Berkenaan Dengan Pemilihan Peluang Perniagaan	46
4.8	Analisis Tahap Pengetahuan Peserta Berkenaan Dengan Pemilihan Rancangan Perniagaan	48
4.9	Analisis Tahap Pengetahuan Peserta Berkenaan Dengan Pemilihan Milikan Perniagaan	50
4.10	Analisis Tahap Kemahiran Pengurusan	52
4.11	Analisis Tahap Kemahiran Kemanusiaan	54
4.12	Analisis Tahap Kemahiran Konseptual	55

4.13	Analisis Persepsi Peserta Terhadap Minat Mereka Dalam Bidang Keusahawanan	57
4.14	Korelasi Bagi Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Keusahawanan.	59
4.15	Korelasi Bagi Tahap Pengetahuan Dan Minat Dalam Bidang Keusahawanan.	60
4.16	Korelasi Bagi Kemahiran Asas Keusahawanan Dan Minat Dalam Bidang Keusahawanan.	61



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Rangka Kerja Teoritik	10
3.1	Prosedur Kajian	37



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

IKS	Industri Kecil Sederhana
JPTV	Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
KPU _n	Kementerian Pembangunan Usahawan
MEDEC	Malaysian Entrepreneurship Develop Centre



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|--|
| A | Borang Soal Selidik |
| B | Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis |
| C | Hasil Analisis Data Kajian Sebenar Menggunakan Perisian SPSS |
| D | Garis Panduan Asas Keusahawanan |
| E | Borang Pengesahan Pakar Berkaitan Produk |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Ab Aziz Yusof, 2001). Selain daripada itu, keusahawanan merupakan aktiviti yang akan dapat menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi. Daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu masyarakat dan negara (Tengku Khairi, 2000).

Keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat membantu dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Wan Mohd Nazif, 2001). Penglibatan dalam bidang keusahawanan haruslah dijadikan sebagai satu kerjaya seperti bidang-bidang lain di mana ianya boleh membantu meningkatkan pendapatan negara (Abang Ahmad Zulkipli, 2002).

Malaysia sedang melangkah pantas menuju status negara maju dalam era globalisasi. Di sinilah golongan bakal usahawan memainkan peranan utama dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya inovasi sesebuah negara (Ab. Aziz Yusof, 2001).

Kerajaan telah banyak melaksanakan program-program untuk pembangunan usahawan dengan wujudnya Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) dan Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera yang merupakan agenda yang berkesinambungan dalam usaha mewujudkan usahawan tulen, berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing. Semua usaha ini bertujuan untuk melahirkan bakal usahawan yang berjaya dalam sesuatu bidang yang diceburi (Abang Ahmad Zulkipli, 2002).

Walaupun bagaimanapun, cita-cita kerajaan untuk melahirkan golongan usahawan yang berjaya masih belum tercapai sepenuhnya. Ini kerana masyarakat sekarang terutamanya golongan muda lebih suka makan gaji dari menanggung risiko dalam perniagaan (Tengku Khairi, 2000). Selain itu, masyarakat sekarang menjadikan kerjaya usahawan ini sebagai satu kerjaya pilihan jika mereka tidak memperolehi sebarang pekerjaan yang sesuai (Mat Hassan, 1992).

Masyarakat sekarang juga didapati kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menceburi sesuatu bidang perniagaan. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka tidak memilih usahawan sebagai satu kerjaya (Zaharuddin, 1995). Dengan tiada ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup mengenai keusahawanan, sesuatu perniagaan yang dijalankan tidak akan bertahan lama dan akan menghadapi pelbagai masalah (Mat Hassan, 1992).

Ini disokong dengan kajian yang dibuat oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) terhadap perniagaan kecil dan sederhana yang membuktikan seseorang usahawan itu perlu memiliki pengetahuan asas dan kemahiran perniagaan yang kukuh sebelum menceburi sesuatu bidang perniagaan.

Selain pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan, bakal usahawan juga perlu mempunyai sesuatu kemahiran dalam bidang yang akan diceburi (Shahriza, 2000). Menurut Mohd Sani (2000), bakal usahawan perlu memiliki kemahiran asas perniagaan dan kemahiran teknikal yang melibatkan keupayaan menggunakan pengetahuan yang spesifik dan teknik dalam sesuatu bidang seperti kemahiran membaiki komputer, kemahiran menghasilkan perabot dan sebagainya.

Menyedari pentingnya pengetahuan dan kemahiran kepada seseorang bakal usahawan, maka mereka perlu mendapat pendidikan formal mengenai keusahawanan (Tengku Khairi, 2000). Pendidikan formal keusahawanan boleh diperolehi dengan pelbagai cara, antaranya dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan keusahawanan.

Sehubungan dengan itu, usaha untuk terus melahirkan usahawan yang berjaya perlu terus dipergiatkan dengan memberi galakan melalui latihan dan pendidikan keusahawanan bagi membantu mereka menyediakan diri bagi menghadapi suasana perniagaan yang mencabar. Selain itu, latihan dan pendidikan juga dapat memberi pendedahan kepada para usahawan tentang selok – belok bidang perniagaan dan hal-hal keusahawanan seperti yang dinyatakan oleh Howard Stevan (1995) seorang pakar pendidikan keusahawanan iaitu, *Entrepreneurs are born and made* (Zaharuddin, 1995). Ini bermakna latihan dan pendidikan amat diperlukan dalam mewujudkan usahawan yang berkaliber yang mana ia akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

1.2 Latar Belakang Masalah

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat sekarang kurang menceburi bidang keusahawanan. Antaranya ialah mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang perniagaan yang akan diceburi (Zaharuddin, 1995). Kebanyakan usahawan khususnya di kalangan bumiputera membina perniagaan mereka tanpa mendapat pendidikan asas pengurusan perniagaan yang formal (Yep Puteh, 1985).

Seseorang bakal usahawan perlu memiliki pengetahuan yang luas dalam bidang perniagaan yang akan diceburi. Membina kefahaman asas perniagaan yang akan diceburi amat penting kerana kita sering kali terdengar tentang perniagaan yang dikenalpasti berpotensi tetapi gagal kerana kegagalan usahawan menguruskannya (Tengku Khairi, 2000). Usahawan perlu menimba sebanyak mungkin ilmu yang berkaitan dengan bidang perniagaan sekiranya hendak menjadi seorang usahawan yang berjaya dan benar-benar unggul (Mohd Sani, 2000).

Menurut Tengku Khairi (2000), seseorang usahawan itu akan berjaya dalam perniagaan jika mereka mempunyai pengetahuan asas keusahawanan dan mengaplikasikan segala ilmu tersebut untuk menjalankan sesebuah perniagaan. Selain itu, menurut Ab. Aziz (1999), faktor penting yang boleh membantu usahawan bagi mengelakkan kegagalan dalam perniagaan ialah dengan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang keusahawanan.

Menurut Yep Putih (1985), bakal usahawan perlu memiliki kemahiran-kemahiran tertentu dalam mengendalikan aktiviti keusahawanan. Bakal usahawan yang mempunyai kemahiran asas vokasional berkaitan bidang yang akan diceburi, tetapi mempunyai kemahiran asas keusahawanan yang sedikit, akan menghadapi kesukaran dalam menjalankan perniagaan. Seterusnya mereka akan menemui kegagalan dalam perniagaan (Abang Ahmad Zulkipli, 2002).

Kegagalan dalam bidang keusahawanan juga sering dikaitkan dengan tiadanya minat yang mendalam dalam menjalankan sesuatu perniagaan (Barjoyai Bardai, 2000). Tanpa minat yang mendalam, mereka hanya menjalankan perniagaan untuk tujuan keuntungan semata-mata, dan tiada motivasi untuk mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan (Tengku Khairi, 2000).

Kajian yang dibuat oleh Noor Aliza (1996) bertajuk Faktor-Faktor Penglibatan Orang-Orang Melayu Dalam Bidang Keusahawanan menyatakan bahawa minat adalah penting kepada seseorang usahawan. Dengan adanya minat seseorang itu boleh melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan mengembangkan perniagaan sedia ada. Hanya mereka yang benar-benar minat dan sanggup berkorban akan berusaha untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Ilmu pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan boleh diperolehi melalui pembacaan dan mengikuti kursus yang berkaitan. Menurut Tengku Khairi (2000), pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal boleh membantu kejayaan seseorang. Melalui pendidikan keusahawanan yang berkesan, seseorang individu yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan dapat dikenalpasti dan dipupuk untuk menjadi usahawan berjaya.

Pelbagai program diwujudkan yang bertujuan untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berilmu, berwawasan, berketrampilan serta mempunyai ilmu pengurusan keusahawanan. Menerusi pelbagai program yang diwujudkan, bakal usahawan memperoleh pengetahuan yang luas berkenaan dengan dunia perniagaan serta mampu untuk mengendalikan sesuatu perniagaan dengan sempurna. Salaudin Ahmad (2001), menyatakan bahawa bakal usahawan boleh dilahirkan dengan menerapkan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap serta khidmat sokongan dalam keusahawanan.

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) turut mewujudkan beberapa program seperti kursus jangka pendek yang bertujuan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam bidang

keusahawanan. Antaranya ialah Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus *Chargeman AO* yang bertujuan memberi kemahiran asas vokasional kepada para peserta seperti kemahiran kimpalan, kemahiran membaiki komputer dan kemahiran dalam penjagaan jentera elektrik. Kemahiran asas vokasional yang diperolehi ini boleh digunakan sebagai saluran untuk mereka melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seperti membuka bengkel kimpalan, kedai membaiki komputer dan menyediakan perkhidmatan penjagaan jentera elektrik.

1.3 Penyataan Masalah

Sebelum menceburi sesuatu bidang keusahawanan, bakal usahawan perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang cukup. Menurut Tengku Khairi (2000), masyarakat sekarang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan tetapi disebabkan tiadanya ilmu pengetahuan keusahawanan dan kemahiran berkaitan, kebanyakan mereka hanya memilih bekerja makan gaji. Hal ini turut disokong oleh Ab. Aziz (2001) yang menyatakan pengetahuan keusahawanan dan kemahiran berkaitan perlu sebelum menceburi sesuatu bidang keusahawanan.

Pengkaji mendapati peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV, KUiTTHO mempunyai kemahiran asas vokasional seperti kimpalan, membaiki komputer dan penjagaan jentera elektrik (*Chargeman AO*) yang diperolehi dalam kursus-kursus berkaitan. Kemahiran asas vokasional yang diperolehi dari kursus-kursus tersebut boleh dikomersialkan dengan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seperti membuka bengkel kimpalan, kedai membaiki komputer dan sebagainya.

Sebelum menceburi bidang keusahawanan, bakal usahawan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan. Di sini pengkaji akan meninjau tahap pengetahuan asas keusahawanan, kemahiran asas keusahawanan dan persepsi peserta kursus jangka pendek terhadap minat mereka dalam bidang keusahawanan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah:

- i) Meninjau persepsi para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV terhadap tahap pengetahuan mereka dalam asas keusahawanan.
- ii) Meninjau persepsi para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV terhadap tahap kemahiran mereka dalam asas keusahawanan.
- iii) Meninjau sama ada para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV mempunyai minat dalam bidang keusahawanan.
- iv) Menentukan perkaitan di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan kemahiran asas keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.
- v) Menentukan perkaitan di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.



- vi) Menentukan perkaitan di antara kemahiran asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- i) Apakah persepsi para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV terhadap tahap pengetahuan mereka dalam asas keusahawanan?
- ii) Apakah persepsi para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV terhadap tahap kemahiran mereka dalam asas keusahawanan?
- iii) Adakah para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV mempunyai minat dalam bidang keusahawanan?
- iv) Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan kemahiran asas keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV?
- v) Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV?



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- vi) Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara kemahiran asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul yang akan dikaji adalah seperti berikut:

Hipotesis Nul (Ho) Pertama :

Tiada terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan kemahiran asas keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.


Hipotesis Nul (Ho) Kedua :

Tiada terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara pengetahuan asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.

Hipotesis Nul (Ho) Ketiga :

Tiada terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara kemahiran asas keusahawanan dengan minat dalam bidang keusahawanan di kalangan para peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV.

1.7 Kerangka Teori



Rajah 1.1: Rangka Kerja Teoritik

1.7.1 Huraian Kerangka Teori

Berdasarkan Rajah 1.1, peserta kursus jangka pendek merupakan responden untuk mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan minat mereka dalam bidang keusahawanan. Para peserta telah mempunyai kemahiran asas vokasional tertentu iaitu kemahiran kimpalan, penyelenggaraan komputer dan penjagaan jentera elektrik yang telah diperolehi dari kursus yang berkaitan. Kesemua kemahiran asas vokasional ini boleh dikomersialkan tetapi para peserta perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas keusahawanan sebelum menceburi sesuatu bidang perniagaan.

Pengetahuan asas keusahawanan amat penting kepada bakal usahawan kerana ianya akan menjadi panduan yang berguna sebelum memulakan sesuatu perniagaan. Pengetahuan asas keusahawanan dalam kajian ini terdiri daripada pemilihan peluang perniagaan, rancangan perniagaan dan peluang perniagaan.

Di samping mempunyai kemahiran asas vokasional tertentu, bakal usahawan juga perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran asas keusahawanan. Perbincangan kemahiran asas keusahawanan meliputi kemahiran pengurusan, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konseptual. Setelah mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran para peserta, pengkaji juga akan mengenalpasti sama ada peserta mempunyai minat dalam bidang keusahawanan.

Dari dapatan kajian mengenai tahap pengetahuan, kemahiran dan minat peserta kursus jangka pendek dalam bidang keusahawanan, satu garis panduan asas keusahawanan akan dihasilkan. Garis Panduan Asas Keusahawanan ini akan menjadi panduan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan para peserta.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan minat peserta dalam bidang keusahawanan. Hasil penemuan daripada kajian ini memberi kepentingan kepada:

1.8.1 Tenaga Pengajar Kursus Jangka Pendek

Kajian ini dapat memberi gambaran secara kasar kepada tenaga pengajar mengenai pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada peserta kursus. Ini dapat membantu tenaga pengajar dalam merancang proses pengajaran mereka.

1.8.2 Peserta Kursus Jangka Pendek

Para peserta kursus jangka pendek akan dapat mengetahui sama ada mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan sebelum menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, mereka dapat mengetahui sama ada mereka mempunyai minat atau tidak dalam bidang keusahawanan. Ini dapat memberi panduan kepada peserta kursus jangka pendek sama ada mereka akan menceburi bidang keusahawanan atau tidak selepas tamat mengikuti kursus yang berkaitan.

1.8.3 Masyarakat

Kajian ini membantu menyedarkan orang ramai bahawa pentingnya pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan sebelum seseorang itu menceburi bidang keusahawanan.

1.8.4 Menambah Bahan Ilmiah dan Rujukan

Hasil kajian ini juga dapat menambah bahan ilmiah dan rujukan berkenaan dengan bidang perniagaan dan keusahawanan di negara kita bagi golongan-golongan yang berminat.

1.9 Skop Kajian

- i) Kajian ini hanya dijalankan di KUiTTHO.
- ii) Dalam kajian ini, tumpuan utama adalah peserta-peserta kursus jangka pendek yang terdiri dari Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus *Chargeman AO*.

- iii) Pengetahuan keusahawanan terdiri dari kewangan, perakaunan, pemasaran dan pengurusan strategik. Tetapi dalam kajian ini pengetahuan yang dibincangkan ialah pengetahuan asas keusahawanan yang terdiri dari pemilihan peluang perniagaan, rancangan perniagaan dan milikan perniagaan.
- iv) Kemahiran yang dikaji adalah kemahiran asas keusahawanan kerana peserta telah mempunyai kemahiran asas vokasional dalam bidang yang berkaitan. Kemahiran asas keusahawanan akan meliputi tiga kemahiran iaitu kemahiran pengurusan, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konseptual.
- v) Garis Panduan Asas Keusahawanan yang dihasilkan adalah fokus kepada pengetahuan asas keusahawanan dan kemahiran asas keusahawanan.



1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Pengetahuan

Perkataan pengetahuan berasal dari kata sendi tahu. Menurut Kamus Dewan (2000), tahu adalah maklum akan keadaan sebenarnya, faham serta mengerti. Manakala pengetahuan adalah perihal mengetahui iaitu tahu akan dan memaklumi. Dalam kajian ini, pengetahuan merujuk kepada pengetahuan peserta berkenaan dengan asas keusahawanan.

1.10.2 Kemahiran

Definisi istilah bagi kemahiran dalam Kamus Dewan (2000) merujuk kepada kecekapan dan kepandaian untuk mengerjakan sesuatu. Dalam kajian ini kemahiran merujuk kepada kemahiran asas keusahawanan peserta.

1.10.3 Minat

Menurut Kamus Dewan (2000), minat adalah keinginan, kesukaan serta kecenderungan kepada sesuatu. Dalam kajian ini, minat bermaksud minat peserta untuk menceburi bidang keusahawanan.

1.10.4 Keusahawanan

Menurut Ab.Aziz (2000), keusahawanan adalah proses membentuk sesuatu yang baru yang ada nilai melalui peruntukan masa dan tenaga yang perlu, di samping menanggung risiko kewangan, yang mana membawa pulangan berbentuk wang dan kepuasan serta keberkesanan diri. Barjoyai (2000) menyatakan keusahawanan ialah sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

1.10.5 Peserta Kursus Jangka Pendek

Peserta dalam kajian ini bermaksud mereka yang terlibat dalam kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Pusat Penyelidikan, Perundingan dan Pengajian Berterusan, KUiTTHO. Seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada 9 orang peserta Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, 24 orang peserta Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan 21 orang peserta Kursus *Chargeman AO* yang terlibat dalam kajian ini.

1.10.6 Kursus Jangka Pendek

Kursus jangka pendek dalam kajian ini merujuk kepada tiga kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUiTTHO. Kursus ini merujuk kepada Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus *Chargeman AO*.

Kursus-kursus ini telah dijalankan pada tarikh berikut:

- | | | |
|------|--|---------------------------|
| i) | Kursus Usahawan Berasas Kimpalan | (9 Feb 2003-9 Mac 2003) |
| ii) | Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer | (9 Feb 2003-2 Mac 2003) |
| iii) | Kursus <i>Chargeman AO</i> | (16 Feb 2003-15 Jun 2003) |

1.10.7 Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV)

JPTV merupakan salah satu daripada jabatan yang dibangunkan di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Ia menjalankan salah satu bidang utama yang berkaitan dengan pendidikan teknik dan vokasional.

Fokus utama jabatan adalah untuk melahirkan program pendidikan profesional untuk pelbagai tahap pendidikan daripada program Diploma sehinggalah ke Doktor Falsafah. Jabatan ini memainkan peranan utama dalam menyediakan ahli pendidikan dalam bidang teknikal, vokasional dan kejuruteraan dengan kemahiran profesional dan personaliti yang cemerlang.

Dalam kajian ini, JPTV merupakan penganjur kepada Kursus Usahawan Berasas Kimpalan, Kursus Penyelenggaraan dan Pemasangan Komputer dan Kursus *Chargeman* AO.



1.11 Penutup

Satu kajian perlu dilaksanakan bagi meninjau persepsi peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV terhadap pengetahuan dan kemahiran mereka dalam asas keusahawanan. Kajian juga perlu dijalankan untuk meninjau sama ada peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV mempunyai minat dalam bidang keusahawanan. Kajian ini dapat membantu para peserta mengetahui pengetahuan, kemahiran dan minat mereka sebelum mereka menceburi sesuatu bidang keusahawanan yang diminati.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Banyak pihak memperkatakan tentang keusahawanan sama ada dari segi kejayaan, kelemahan, penglibatan, peluang, cabaran, masa hadapan dan sebagainya. Namun begitu, isu yang diperkatakan di sini adalah berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan minat peserta kursus jangka pendek anjuran JPTV dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, sorotan penulisan ini akan membincangkan tentang penulisan dan kenyataan serta kajian pihak-pihak dan pengkaji sebelum ini berkaitan dengan keusahawanan, pendidikan keusahawanan, keusahawanan sebagai kerjaya, pengetahuan asas keusahawanan, kemahiran asas keusahawanan dan minat dalam bidang keusahawanan.

2.2 Usahawan dan Keusahawanan

Usahawan adalah orang yang bertanggungjawab untuk memaksimumkan peluang-peluang yang ada dan peka kepada kewujudan peluang dalam persekitarannya yang mungkin tidak disedari oleh orang lain (Tengku Khairi, 2001). Sementara itu, menurut Abang Ahmad Zulkipli (2002), usahawan adalah individu yang mencetuskan idea-idea perniagaan, membentuk organisasi syarikat, menambah modal, menggaji pekerja, menjalinkan hubungan dengan pembekal, pelanggan dan pemerintah serta menukarkan konsep menjadi sebuah organisasi yang berfungsi.

Keusahawanan adalah merupakan satu bidang yang mana ianya banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan ianya telah diletakkan sebagai landasan pembangunan ekonomi negara yang progresif. Bagi negara kita Malaysia untuk bergerak maju dalam bidang perindustrian, maka bidang keusahawanan ini juga perlu bergerak selari dengannya (Tengku Khairi, 2000). Keusahawanan merupakan keseluruhan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu bahkan cekap untuk mencari, mengenal dan merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha-usaha perniagaan untuk faedah ekonomi dan perdagangan (Barjoyai, 2000).

Menurut Ab. Aziz (2001), keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara. Selain daripada itu, keusahawanan merupakan aktiviti yang dapat menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi. Daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu masyarakat dan negara.

Sehingga hari ini, tiada suatu definisi tepat yang diterima pakai oleh semua terhadap perkataan usahawan. Noor Aliza Konok (1996) juga menyatakan bahawa perkataan usahawan berkembang bersama-sama teori keusahawanan itu sendiri. Kesimpulannya, usahawan ataupun keusahawanan memerlukan seorang individu yang kreatif yang mampu untuk membangunkan sesuatu yang bernilai.

Dalam konteks pemahaman yang mudah, usahawan adalah individu yang bertanggungjawab menyusun, mengurus dan mengambil risiko terhadap sesuatu perniagaan yang dilaksanakan. Manakala keusahawanan merupakan satu konsep yang berkaitan dengan kegiatan yang dilakukan oleh para usahawan (Tengku Khairi, 2001).

2.3 Pendidikan Keusahawanan

Kepentingan latihan dan ilmu kepada para usahawan bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh. Sebarang penerokaan yang dilakukan tanpa ilmu atau tanpa sebarang latihan, baik secara formal ataupun tidak formal, tidak akan membawa kemajuan. Latihan dan bimbingan bukan sahaja diperlukan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sebaliknya diperlukan untuk mengubah sikap serta memperbaiki diri usahawan itu sendiri (Tengku Khairi, 2001).

Pendidikan dan latihan keusahawanan merupakan unsur yang sangat penting dalam merealisasikan konsep masyarakat perdagangan dan perindustrian (Ab. Aziz, 2001). Menurut Mohd Rosli (2000), latihan keusahawanan akan menjadi satu faktor penting untuk meningkatkan produktiviti negara dan membolehkan industri kecil sederhana (IKS) menjadi sektor penyokong kepada syarikat-syarikat multinasional.

Selain itu, kejayaan seseorang usahawan sangat berkait rapat dengan latihan dan pendidikan keusahawanan yang diikuti oleh mereka. Menurut Ab. Aziz (2001), bakat sahaja belum mencukupi untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya kerana tanpa pengalaman, pendedahan dan latihan, bakat itu akan terpendam begitu sahaja dan tidak menyerlahkan apa-apa hasil. Usahawan-usahawan yang berjaya pada hari ini juga adalah mereka yang menjalani latihan, mengikuti kursus-kursus keusahawanan dan menjalani pendedahan yang bertubi-tubi sehingga boleh mencetuskan minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan.

Pendekatan latihan dalam bidang keusahawanan juga perlu diubah bersesuaian dengan minat bakal-bakal usahawan dan usahawan-usahawan baru. Sambil diberi kursus latihan, mereka patut didedahkan dengan dunia perniagaan sebenar. Hanya pendedahan dan pengalaman yang berkaitan sahaja dapat memberi idea yang lebih baik kepada mereka untuk memulakan perniagaan atau perusahaan sendiri (Mohd Rosli, 2000).



2.4

Keusahawanan Sebagai Kerjaya

Menurut Roger Henderson dan Martyn Robertson (dalam Zaidatol Akmaliah, 1993) dalam kajian mengenai pemilihan kerjaya di kalangan golongan muda masa kini menyatakan bahawa perubahan dalam kerjaya kini menyebabkan golongan muda berhadapan dengan jangkakan kerjaya sama ada makan gaji, tidak bekerja dan bekerja sendiri. Keadaan ini secara tidak langsung menggalakkan penglibatan golongan muda kepada aktiviti keusahawanan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Suria Md Yusof (2001), pemilihan kerjaya untuk masa depan tidak seharusnya dibataskan pada pekerjaan di sektor awam dan swasta sahaja. Sebahagian besar daripada golongan muda meragui kemampuan sendiri untuk

maju di bidang keusahawanan, walaupun mereka tahu bahawa kerajaan telah membentuk pelbagai dasar dan menyediakan kemudahan untuk membantu dan berkembang maju dalam bidang keusahawanan.

Ab. Aziz (2001), menegaskan bahawa pemilihan kerjaya sebagai usahawan dibuat bukan hanya bergantung kepada satu faktor sahaja. Salah satu faktor yang utama ialah berusaha merebut peluang oleh bakal usahawan. Mereka berpendapat peluang dan kesediaan banyak mempengaruhi penglibatan dalam bidang keusahawanan. Namun begitu, faktor kewangan dan kebolehan diri serta keyakinan juga memainkan peranan untuk menjadi seorang usahawan.

2.5 Pengetahuan Dalam Asas Keusahawanan

Pengetahuan asas keusahawanan merangkumi pemilihan peluang perniagaan, rancangan perniagaan dan milikan perniagaan (Ab. Aziz Yusof, 2001). Usahawan yang bijak perlu mempunyai pengetahuan mengenai asas keusahawanan dalam bidang perniagaan yang akan diceburi. Jika mereka kurang mahir, mereka perlu menambah pengetahuan mereka dan mencari panduan-panduan yang disediakan oleh pihak tertentu yang berbentuk buku, nota, garis panduan dan seminar (Barjoyai Bardai, 2000).

Seseorang usahawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu keusahawanan sebelum menceburi sesuatu bidang perniagaan. Ilmu keusahawanan meliputi kewangan, perakaunan, pemasaran dan pengurusan strategik (Ab. Aziz Yusof, 2001). Bakal usahawan sekurang-kurangnya perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas keusahawanan supaya menjadi panduan dan tunjuk ajar dalam menjalankan sesebuah perniagaan (Tengku Khairi, 2000).

Menurut Mohd Yusop (2002), dalam kajian bertajuk Keperluan Pengayaan Ilmu Dalam Menjayakan Perniagaan Di kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Ke arah Melahirkan Usahawan Industri Kecil Sederhana Yang Berjaya, seseorang usahawan harus mempunyai ilmu yang cukup untuk mengendalikan perniagaan dan seterusnya mendidik anak-anak ke arah menjadi usahawan IKS yang berjaya. Tanpa ilmu yang cukup mereka kurang persediaan untuk menghadapi sebarang cabaran terutamanya cabaran yang datang di luar jangkaan. Kajian ini dijalankan ke atas 82 usahawan bumiputera di salah sebuah daerah di Malaysia untuk mengenalpasti ilmu-ilmu perniagaan yang mereka perlukan. Didapati sebahagian besar daripada mereka memerlukan pengayaan ilmu perniagaan mengenai pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perakaunan dan latihan kemahiran vokasional.

Selain itu, Kalsom (2003) telah membuat Satu Tinjauan Terhadap Pengetahuan Pengurusan Kewangan Dalam Bidang Keusahawanan Bagi Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO. Seramai 100 orang pelajar tahun akhir yang mempunyai asas keusahawanan semasa di sekolah telah dipilih secara rawak sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan responden dalam aspek pengurusan kewangan adalah pada tahap yang sederhana dengan skor min keseluruhan 2.69.

Strategi pemasaran memainkan peranan yang penting untuk menentukan kejayaan mahupun kegagalan sesebuah perniagaan. Lantaran itu, satu kajian telah dijalankan oleh Sharifah Yuhayu (2003), untuk meninjau sejauh mana pengetahuan pelajar dalam bidang pemasaran khususnya pengetahuan tentang strategi pemasaran yang merangkumi strategi keluaran, harga, saluran agihan dan promosi. Seramai 37 orang pelajar tingkatan 5, kursus Katering, Sekolah Menengah Teknik Muar, Johor telah dijadikan sampel kajian. Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa setiap pelajar mempunyai minat serta minat yang tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan tetapi mereka mempunyai pengetahuan yang rendah dalam bidang pemasaran khususnya dari aspek strategi pemasaran dengan skor min 2.16.

Dapatan di atas turut disokong oleh Tengku Khairi (2001) yang menyatakan bakal usahawan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan keusahawanan yang terdiri dari kewangan, perakaunan, pemasaran dan pengurusan strategik. Walaubagaimanapun sebagai persediaan awal sebelum menceburi bidang keusahawanan, bakal usahawan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan asas keusahawanan terlebih dahulu.

2.6 Kemahiran Asas Keusahawanan

Secara realitinya, sekiranya seseorang itu hanya memiliki pengetahuan tetapi tidak tahu cara untuk menggunakannya, maka pengetahuan tersebut tidak mampu menjana ke arah kejayaan yang dicari (Tengku Khairi, 2000). Melalui gabungan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, usahawan mampu membentuk gaya pengurusan perniagaannya yang tersendiri (Barjoyai Bardai, 2000). Oleh itu, seseorang usahawan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dalam bidang yang ingin diceburi.

Bakal usahawan perlu mempunyai kemahiran berkaitan perniagaan yang akan diceburi (Ab. Aziz Yusof, 2001). Di samping itu, bakal usahawan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran asas keusahawanan yang merupakan landasan dalam menguruskan sesebuah perniagaan (Barjoyai Bardai, 2000).

Menurut Zainal Abidin (1992), kebanyakan industri kecil mempunyai masalah dalam perniagaan kerana kekurangan pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang diceburi. Setiap perkara yang hendak dilakukan, seseorang usahawan perlu terlebih dahulu mengenal diri sendiri, kemahiran yang dimiliki dan juga gabungan ilmu pengetahuan untuk membuat keputusan yang tepat ke arah mencipta kejayaan dalam perniagaan. Seseorang usahawan perlu memiliki wawasan yang selaras dengan

RUJUKAN

Abang Ahmad Zulkipli Abang Mohd Nerawi (2002). "Realiti Baru Usahawan Tulen."
Dewan Ekonomi. 11.

Ab. Aziz Yusof, (1999). "Asas-Asas Keusahawanan." Petaling Jaya, Selangor : Prentice
Hall (M) Sdn. Bhd.

Ab. Aziz Yusof, (2001). "Usahawan danKeusahawanan:Satu Penilaian." Petaling Jaya,
Selangor : Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.

Azrul Nizam Abdul Aziz (2002). "Keberkesanan Program Latihan Industri Di Kalangan
Pelajar Diploma Jurusan Akauntasi Di Politeknik Kementerian Pendidikan
Malaysia." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana

Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz Md. Salleh (1998). "Peluang Perniagaan." Kuala
Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan." Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka.

Bidin Yatim (2000). "Statistik Gunaan." Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Erina Ismail (2001). " Kesan Pengetahuan Dan Kemahiran Pengajaran Berasaskan Web
Terhadap Persepsi Kualiti Pengajaran Di Kalangan Pensyarah." Batu Pahat:
KUiTTTHO.

Fazila Adlan (2001). " Tinjauan Pengaruh Latar Belakang Pendiikan Terhadap Budaya
Kerja dan Kualiti Perkhidmatan Pensyarah di Politeknik. Batu Pahat: KUiTTTHO.

Kalsom binti Sudar (2003). "Satu Tinjauan Terhadap Pengetahuan Pengurusan Kewangan Dalam Bidang Keusahawanan Bagi Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Kamus Dewan (2000). Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Madznah Al- Samarraie (1994). "Kepentingan Persediaan Rekod Kewangan Dalam Perniagaan." Universiti Utara Malaysia : Tesis Sarjana.

Martha Reeves (1996). "Evaluation Of Training". Prtaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Mat Hassan Esa (1992). "Kualiti yang Membantu Kejayaan Usahawan." *Dewan Ekonomi*. 14-15.

MEDEC, (2000). "Asas Keusahawanan". Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Moha Asri, Juhary Ali dan Faozah Idris (2000). "Pengurusan Perniagaan Kecil." 127-152.

Mohamad Fauzie Abdul Rahman (1996). "Hubungan Sikap Inovasi, Kehendak Kejayaan Dan Keyakinan Diri Dengan Minat Dalam Perniagaan." Universiti Utara Malaysia :Tesis Sarjana.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Kamaluddin Mohd. Effendie (1985). " Bakal Graduan ITM: Penglibatan Dalam Perniagaan Kecil Dan Sederhana". Institut Teknologi Mara.

- Mohd Hanafiah Omar (2001). "Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM): Strategi Penting dalam Pembangunan Usahawan Masa Kini." *Dewan Ekonomi*. 16-17.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosli Mohamad (2000). "Industri Kecil Dan Sederhana: Landasan Pembangunan Usahawan". Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Sani Md Said (2000). "Bumiputera Jangan Terus Meminta-Minta." *Dewan Ekonomi*. 11-12.
- Mohd. Yusop bin Ab. Hadi (2002). "Pengayaan Ilmu Dalam Menjalankan Perniagaan Di Kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Ke arah Melahirkan Usahawan Industri Kecil Sederhana Yang Berjaya". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Nor Azina Zakaria (1996). "Ciri-Ciri Personaliti dan Kecenderungan Dalam Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Noor Aliza Konok (1996). "Faktor-Faktor Penglibatan Orang-Orang Melayu Dalam Bidang Keusahawanan: Kajian Kes Di sekitar Bandar Alor Setar." Universiti Utara Malaysia :Tesis Sarjana.
- Noorhaizan bt. Bekri @ Othman (1996). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Program Keusahawanan Di Universiti dan Seterusnya Melahirkan Siswazah Usahawan." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Rohaizat Baharun (2000). "Kejayaan Para Usahawan : Daripada Perspektif Penyelidikan." *Dewan Ekonomi*. 16-18.

- Ros Eliana Ahmad Zuki (2003). "Pengetahuan Dan Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Aliran Kemahiran". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.
- Rozila binti Rafie (1997). "Sikap Pelajar Pusat Matrikulasi Universiti Utara Malaysia Terhadap Keusahawanan". Universiti Utara Malaysia:Tesis Sarjana.
- Salaudin Ahmad (2001). "MEDEC Lahirkan Usahawan Berilmu." dlm. Usahawan Sukses (September –Oktober 2001). Batu Caves : Pustaka Wira Sdn. Bhd. Thn. 1 Bil. 4.
- Sharifah Yuhayu Syed Hamid (2003). "Strategi Pemasaran Di Dalam Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Katering, Sekolah Menengah Teknik Muar, Johor". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.
- Shahriza Sidin (2000). "Berjaya dalam Usia Muda." *Dewan Ekonomi*. 11.
- Siti Aishah Abd. Mutalif (2003). "Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan Di KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.
- Subramanian (1995). " Kepentingan Persediaan Rekod Kewangan." *Usahawan*. Julai – Ogos, 1995. 25-28.
- Sudin Haron (1990). "Ke Arah Menjadi Usahawan Berjaya." Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Suria Md. Yusof (2001). "Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya : Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTHO". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Tengku Khairi A.Rahman (2000). "10 Mitos Dunia Keusahawan." *Dewan Ekonomi*. 17-18.

Tengku Khairi A. Rahman (2000). "Perancangan Memulakan dan Mengembangkan Perniagaan." *Dewan Ekonomi*. 17-18.

Tengku Khairi A.Rahman (2000). "Memulakan dan Mengembangkan Perniagaan." *Dewan Ekonomi*. 14-15.

Tengku Khairi A.Rahman (2000). "Kemungkinan dan Realiti dalam Perniagaan." *Dewan Ekonomi*.17-18.

Tengku Khairi A.Rahman (2000). "Usahawan Perlu Memahami Asas Perniagaan." *Dewan Ekonomi*.17.

Tengku Khairi A.Rahman (2000). "Meneroka Bidang Usahawan: Daripada Peluang Kepada Wang ." *Dewan Ekonomi*. 15-16.

Tengku Khairi A.Rahman (2001). "Formula Usahawan:Menilai Diri dan Mengetahui Kemahiran Diri." *Dewan Ekonomi*. 15-16.

Tengku Khairi A.Rahman (2001). "Membina Tunjang Kecemerlangan Usahaniaga." *Dewan Ekonomi*. 16-18.

Wan Mohd Nazif (2001). " Sistem Akaun Perniagaan: Usahawan Perlu Ubah Sikap." dlm. *Dewan Ekonomi* (Oktober 2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Bil. 0547. Jilid 09.

Wiersma. W (1995). "Research Methods in Education An Introduction". 6th Edition
Massachusetts : Allyn and Bacon.

Yep Putih (1985). "Keusahawanan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharuddin Yahya (1995). "Memilih Perniagaan." Kota Bharu: Al-Kafilah Enterprise.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan
Vokasional : Satu Jaminan Kerjaya". *Jurnal Pendidikan*, Jun 1993, Jilid 37. Bil
78.

Zainal Abidin Mohd Said (1992). " Strategi Pemasaran Usahawan-Usahawan
Bumiputera Selepas 1990". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifli bin Saidun (1996). " Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelatih Institut
Kemahiran MARA". Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



RUJUKAN

Ab. Aziz Yusof (1999). *Asas-Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Ab. Aziz Yusof (2001). *Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Azrina binti Ahmad (2002). *Pembangunan dan Penilaian Modul pembelajaran Kadar Kendiri: Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Barjoyai Bardai (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz Md. Salleh (1998). *Peluang Perniagaan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Jaafar Muhamad (1993). *Asas Pengurusan Perniagaan*. Subang:Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kalsom binti Sudar (2003). *Satu Tinjauan Terhadap Pengetahuan Pengurusan Kewangan Dalam Bidang Keusahawanan Bagi Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.



Nurazlinda binti Yahya @ Muhammed (2002). *Perlaksanaan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator Di Institusi Pendidikan Teknikal : Satu Kajian Eksperimental*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Sharifah Yuhayu bt. Syed Hamid (2003). *Strategi Pemasaran Di Dalam Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Katering, Sekolah Menengah Teknik Muar, Johor*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Sudin Haron (1990). *Ke Arah Menjadi Usahawan Berjaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Suzila @ Norhidayat (2002). *Pembentukan Modul Latihan Pemikiran Kreatif Untuk Bakal Usahawan Bagi Graduan KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Zaidatol Akmaliah bt. Lope Pihie dan Habibah bt. Elias (1997). *Asas Keusahawanan*. Subang : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH